



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



KOLEJ  
KOMUNITI  
NIBONG  
TEBAL

**BUKU  
PANDUAN  
PELAJAR EDISI  
2025**

***Student's Handbook | UNIT  
PEMBANGUNAN PELAJAR (UPP)***

## ISI KANDUNGAN

Pengenalan	1
Visi, Misi & Objektif	2 - 3
Logo Korporat	4
Piagam Pelanggan	5
Carta Organisasi	6
Bahagian Akademik	
- Program Kulinari	8 – 9
- Pengajian Am	10
- Peperiksaan & Penilaian	11
Bahagian Bukan Akademik	
- Unit Ambilan Dan Pembangunan Pelajar	
- Pengambilan Pelajar	13 – 16
- Pembiayaan Kewangan	17
- Insurans	18
- Psikologi Dan Kerjaya	19
- Perpustakaan	20 – 21
- Sukan Dan Kokurikulum	22
- Kesukarelawanan (BriSK)	23
- Disiplin & Tatatertib	24 – 43
- Saman	44
Ikrar Pelajar	45
Lagu Kolej Komuniti	46
Jawatankuasa Buku Panduan Pelajar	47

## **PENGENALAN**

**Kolej Komuniti Nibong Tebal (KKNT)** adalah Kolej Komuniti Nibong Tebal (KKNT) merupakan salah satu institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Ia ditubuhkan di bawah Parlimen Nibong Tebal. Kolej ini merupakan Kolej Komuniti ke 38 yang ditubuhkan di Malaysia. Kolej ini telah beroperasi sejak Januari 2008. Penubuhan kolej ini adalah untuk memberi peluang pendidikan dan latihan kepada pelajar-pelajar lepasan SPM dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang berumur 17 tahun ke atas untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Program yang ditawarkan secara sepenuh masa dan juga pengajian sepanjang hayat yang merangkumi pelbagai kursus-kursus pendek. Bermula tahun 2011, kolej ini menawarkan program Sijil Kulinari sebagai program sepenuh masa. Kolej ini beralamat di Nombor 2, Jalan Tasek SS1, Bandar Tasek Mutiara, 14120 Simpang Ampat, Pulau Pinang. Mempunyai seramai 25 orang kakitangan yang terdiri daripada kakitangan pentadbiran dan akademik.



## **VISI KOLEJ KOMUNITI**

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

## **MISI KOLEJ KOMUNITI**

- Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf
- Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat
- Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang
- Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

## **OBJEKTIF PENUBUHAN KOLEJ KOMUNITI**

- Menyediakan laluan alternatif kepada pelajar lepasan menengah dan pelajar yang tercicir daripada pendidikan formal untuk mengikuti latihan dan kemahiran dalam bidang-bidang teknikal dan vokasional.
- Menyediakan pendidikan seumur hidup kepada individu dan masyarakat setempat bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat.
- Membolehkan syarikat-syarikat swasta menggunakan khidmat Kolej Komuniti untuk memberikan latihan kepada pekerja-pekerja mereka
- Mewujudkan kerjasama yang erat di antara ahli masyarakat, kerajaan setempat dan sektor swasta bagi memajukan kawasan.
- Menyediakan latihan dan kemahiran supaya dapat memenuhi keperluan pasaran dan penduduk setempat.
- Memberikan peluang kepada masyarakat setempat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan di kolej komuniti.
- Memberikan khidmat kaunseling kepada masyarakat setempat bagi mempertingkatkan tahap pengetahuan dan perkembangan kerjaya mereka.

# LOGO KORPORAT

## LOGO KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

## LOGO POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

## LOGO KOLEJ KOMUNITI NIBONG TEBAL



***"Peneraju Komuniti Berilmu dan Berkemahiran"***

## **PIAGAM PELANGGAN**

Kolej Komuniti Nibong Tebal amat komited untuk mencapai kecemerlangan dalam memenuhi kehendak pelanggan seperti mana yang telah termaktub dalam piagam pelanggan kami iaitu:-

1. Memastikan program pengajian yang mendapat akreditasi daripada MQA atau badan profesional yang berkaitan.
2. Proses pendaftaran pelajar yang mengemukakan dokumen lengkap diselesaikan pada **HARI YANG SAMA** pelajar mendaftar sepenuh masa.
3. Memaklumkan keputusan peperiksaan dalam tempoh **EMPAT BELAS (14) HARI** bekerja selepas semester pengajian berakhir.
4. Penawaran kursus pendek yang memenuhi kehendak komuniti setempat.
5. Mengamalkan etika professional dalam semua aspek pengurusan, pentadbiran dan perhubungan dengan pelanggan sepanjang masa.





**BAHAGIAN  
AKADEMIK**

## PROGRAM KULINARI

Program Sijil Kulinari menghasilkan modal insan yang berkemahiran tinggi, berpengetahuan, berinovasi serta berdaya saing dengan menekankan bidang Pendidikan dan Latihan Vokasional (TVET) kearah membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2050. Pelajar didedahkan dengan ekosistem pembelajaran yang kondusif yang tidak terhad kepada teori semata-mata sebaiknya perlu mempraktikkan ilmu yang dipelajari melalui latihan amali dan kerja lapangan bersama kumpulan seiring dengan keperluan jangka panjang TVET. Selain itu, program ini menawarkan latihan industri bagi mendedahkan pelajar dengan situasi pekerjaan sebenar, membina keyakinan diri dan mampu menyesuaikan diri bagi menempuh alam pekerjaan yang sebenar. Melalui program ini juga, pelajar berpeluang untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di mana kolej komuniti turut menawarkan pengajian di peringkat diploma iaitu *Diploma in Culinary Arts*.

KOD		KURSUS	KREDIT
<b>SEMESTER 1</b>			
SKU	10133	<i>Theory of Food</i>	3
SUG	10022	<i>Pematuhan Teknologi Hijau</i>	2
SKU	10252	<i>Foodservice Sanitation</i>	2
SKU	10263	<i>Basic Western Cookery</i>	3
SKU	10213	<i>Basic Butchery</i>	3
<b>SEMESTER 2</b>			
SKU	20303	<i>Bakery and Pastry</i>	3
SKU	20323	<i>Hawkers and Street Food</i>	3
SKU	20293	<i>Malaysian Cuisine</i>	3
SKU	20282	<i>Fundamental of Kitchen Operation</i>	2
SKU	20313	<i>Garde Manger</i>	3

<b>SEMESTER 3</b>			
SKU	30332	<i>Food Costing for Recipe Development</i>	2
SKU	30343	<i>Basic Chocolate and Sugar Confectionary</i>	3
SKU	30103	<i>Local Sweet and Savoury Delicacy</i>	3
SKU	30373	<i>Asian Cuisine</i>	3
SKU	30353	<i>Commercial Food Production</i>	3
SOP	20312	<i>Digital Entrepreneurship for Service Industry</i>	2
<b>LATIHAN INDUSTRI</b>			
SUT	40078	Latihan Industri (LI)	8
<b>JUMLAH KESELURUHAN NILAI KREDIT</b>			<b>51</b>

Versi: 09102024 \_1\_Efektif: Sesi\_II\_2024/2025

## PENGAJIAN AM

Unit Pengajian AM (UPA) merupakan satu unit akademik yang menyokong program akademik utama, supaya pelajar bukan sahaja mahir di dalam teknikal tetapi juga didedahkan dalam pembentukan sikap dan moral. Ia menawarkan kursus-kursus yang meliputi topik dan perbincangan unsur hidup seperti nilai, prinsip, akhlak dan asas kemahiran. Unit Pengajian Am meliputi kursus seperti Pengajian Malaysia, Aplikasi Komputer, Pendidikan Islam/ Moral, Ko-kurikulum, *Communicative English*, *Workplace English*, Kursus Integriti & Antirasuah dan Bahasa Kebangsaan A. UPA dilengkapi satu makmal komputer dan bilik kuliah bagi memastikan bahawa proses pembelajaran dihantar dengan berkesan.

KOD		KURSUS	KREDIT
<b>SEMESTER 1</b>			
SUE	10031	<i>Communicative English</i>	1
SBC	10022	<i>Aplikasi Komputer</i>	2
MPU	11022	Pengajian Malaysia	2
<b>SEMESTER 2</b>			
SUE	20041	Workplace English	1
MPU	13042	Pendidikan Islam	2
MPU	13052	Pendidikan Moral	
<b>SEMESTER 3</b>			
MPU	13061	Kursus Integriti dan Antirasuah	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN NILAI KREDIT</b>			<b>9</b>

Versi: 09102024 \_1\_Efektif: Sesi II 2024/2025

\*\* Bagi pelajar warganegara yang **tidak kredit** Bahasa Melayu SPM **WAJIB** mengambil kursus **MPU12062 BAHASA KEBANGSAAN A** di **Semester 1**

## PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN

- Melaksana dasar pentaksiran & penilaian berpandukan Pembelajaran
- Berasaskan Hasil.
- Melaksana Sistem Aplikasi Pengurusan Pentaksiran & Penilaian Program Pengajian Kolej Komuniti.
- Menyediakan maklumat dan maklum balas hasil dari pelaksanaan tahunan untuk input kepada Jabatan bagi proses penambahbaikan.
- Menyediakan maklumat dan maklum balas hasil penambahbaikan berterusan (CQI) program Pengajian Kolej Komuniti.
- Menyediakan khidmat sokongan dan perundingan berkaitan hal peperiksaan dan penilaian di KK.
- Mengurus proses pensijilan dan penganugerahan sijil kepada lulusan kursus sepenuh masa KK.
- Melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti dan akreditasi MQA bagi Program Pengajian Kolej Komuniti.

Markah	Gred	Nilai Mata	Status
90 – 100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80 – 89	A	4.00	Cemerlang
75 – 79	A-	3.67	Kepujian
70 – 74	B+	3.33	
65 – 69	B	3.00	
60 – 64	B-	2.67	Baik
55 – 59	C+	2.33	
50 – 54	C	2.00	
47 – 49	C-	1.67	Lulus Bersyarat
44 – 46	D+	1.33	
40 – 43	D	1.00	
0 – 39	F	0.00	Gagal




**BAHAGIAN  
BUKAN  
AKADEMIK**

**UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR**

## **PENGAMBILAN PELAJAR**


1. Mengurus dasar dan pelaksanaan pengambilan pelajar bagi program sepenuh masa dan program separuh masa
2. Mengurus, dan melaksanakan dasar pengambilan pelajar Kolej Komuniti.
3. Menguruskan dokumen-dokumen berkaitan pengambilan pelajar bagi kursus program sepenuh masa.
4. Mengurus pertukaran program, pertukaran kolej dan tanggung pengajian.

## PENGURUSAN PERTUKARAN PROGRAM PELAJAR TELAH BERDAFTAR KOLEJ KOMUNITI




Garis Panduan Pengambilan Pelajar Komuniti Edisi 9

## PENGURUSAN PERTUKARAN KOLEJ PELAJAR BERDAFTAR KOLEJ KOMUNITI



Garis Panduan Pengambilan Pelajar Komuniti Edisi 9

# PENGURUSAN TANGGUH PENGAJIAN KOLEJ KOMUNITI



Garis Panduan Pengambilan Pelajar Komuniti Edisi 9

## PEMBIAYAAN KEWANGAN

Pelajar Kolej Komuniti boleh memohon pinjaman atau bantuan kewangan seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>TAJAAN/ BANTUAN</b>
1	Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK)
2	Bantuan Kewangan Orang Kelainan Upaya (BKOKU)
3	Program Pendidikan Khas (PPK)
4	Bantuan Agensi-Agensi Lain

\*\*\* Mengikut syarat dan terma yang ditetapkan

## INSURANS PELAJAR

Semua pelajar kolej komuniti oleh insuran berkelompok. Sebarang tuntutan mengenai insuran boleh menghubungi Unit Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti Nibong Tebal.

Bil	Skop/ Manfaat Perlindungan	Jumlah Pampasan
1	Kematian Biasa/ Akibat Penyakit Sahaja	RM 12,000.00
2	Cacat/Keilatan Kekal Menyeluruh Biasa/Akibat Penyakit Sahaja	RM 12,000.00
3	Kematian Akibat Kemalangan Sahaja	RM 50,000.00
4	Cacat/Keilatan Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan sahaja	RM 50,000.00
5	Keilatan Separa Kekal Akibat Kemalangan Sahaja	RM 50,000.00
6	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan Sahaja	RM 3,000.00 (Maksimum)
7	Perbelanjaan Pengkebumian Kematian Akibat Kemalangan Sahaja	RM 2,000.00
8	Perbelanjaan Pengkebumian Kematian Biasa/Akibat Penyakit Sahaja	RM 2,000.00
9	Manfaat Elaun Wad Hospital Akibat Kemalangan Sahaja (Maksimum 60 hari)	RM 50.00 sehari
10	Ragut	RM 250.00
11	Dengue Recuperation	RM 500.00
12	Perbelanjaan Mobiliti	RM 2,000.00
13	Yuran Ambulans	RM 500.00
14	Elaun Pesakit Luar (MC) Kemalangan	RM30.00 sehari

\*\*\*Tertakluk pada perubahan, terma dan syarat syarikat insurans

**Bayaran setahun = RM35.00**

## **PSIKOLOGI & KERJAYA**

Unit Pengurusan Psikologi melaksanakan perkhidmatan kaunseling, ilmu-ilmu dan prinsip-prinsip psikologi digunakan bagi membantu klien menangani masalah dan isu-isu berkaitan. Gabungan dua disiplin ini iaitu psikologi dan kaunseling perlu bagi menghasilkan perkhidmatan kaunseling yang efektif dan profesional.

### **Jenis Perkhidmatan yang disediakan:**

- Kaunseling Individu
- Kaunseling Kelompok
- Intervensi Krisis
- Kaunseling Kerjaya
- Ujian Psikologi / Psikometrik

### **Waktu operasi:**

Isnin – Jumaat : 9.00 pagi hingga 5.00 petang

## **PERPUSTAKAAN**

Perpustakaan KKNT ini dibuka kepada penggunaanya secara rasmi pada tahun 2008. Perpustakaan ini menawarkan perkhidmatan kepada semua warga KKNT termasuk para pelajar, kakitangan akademik, kakitangan pengurusan dan sokongan. Perpustakaan KKNT memiliki lebih dari 1000 koleksi bahan bacaan.

Perpustakaan KKNT merupakan komponen utama dalam menyokong proses pembelajaran dan pengajaran bagi pengajian am dan program-program Sijil Kulinari.

Pencarian bahan pembelajaran melalui pangkalan data *EMERALD E-Book* yang telah dilanggan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk kemudahan dan kegunaan Politeknik & Kolej Komuniti di seluruh Malaysia.

Berikut adalah pautan untuk akses ke *E-Book Emerand* <https://www.emerald.com/insight/>.

Pastikan ada terdapat indikator: *Welcome* **JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

Selain daripada itu, terdapat juga pangkalan data U-Pustaka. Pangkalan data ini menyediakan akses kepada gedung sumber ilmu pengetahuan kepada seluruh lapisan rakyat tanpa sempadan masa dan lokasi. sila layari [www.u-library.gov.my/portal](http://www.u-library.gov.my/portal) untuk pencarian bahan secara percuma.

Terdapat banyak pilihan bahan bacaan untuk dibaca seperti: -

1. **E-buku** – baca di *OverDrive, Ookbee, PNM E-LIB, IG Library*
2. **E-majalah** – baca di *Zinio dan Ookbee, PressReader*
3. **E-surat khabar** – baca di *Ookbee dan PressReader*
4. **Nota dan Latih tubi UPSR/PT3/SPM** – *FullAMark, Raz Kids A to Z dan I Learn Ace*

HARI	WAKTU
Isnin - Khamis	8.30 Pagi – 4.00 Petang
Jumaat	8.30 Pagi – 12.00 Tengah Hari (Rehat) 3.00 Petang – 4.00 Petang
Sabtu & Ahad	Tutup
*Cuti Am	Tutup

## **SUKAN & KOKURIKULUM**

Sukan Kolej Komuniti ditubuhkan adalah untuk mencungkil bakat para pelajar dalam aktiviti sukan yang dianjurkan seterusnya menyetengahkan bakat mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Antara sukan yang biasa dipertandingkan adalah seperti sukan berikut:-

- |                 |                                |
|-----------------|--------------------------------|
| a) Badminton    | f) Futsal (Lelaki & Perempuan) |
| b) Bola Sepak   | g) Tenpin Bowling              |
| c) Sepak Takraw | h) Woodball                    |
| d) Petanque     | i) Olahraga                    |
| e) Bola Jaring  |                                |

Pelajar yang berbakat tidak akan disia-siakan memandangkan ianya adalah menjadi nilai tambah kepada seseorang pelajar untuk menempatkan diri di alam pekerjaan kelak. Pemilihan pelajar dibuat diperingkat Negeri bagi melayakkan mereka ke Kejohanan Sukan PolyCC. Kejohanan Sukan PolyCC adalah kejohanan sukan yang diperkenalkan bermula tahun 2023 yang menggabungkan Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia iaitu merupakan platform pertama bagi pelajar PolyCC untuk ke peringkat seterusnya seperti Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM), Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT), Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA) dan seterusnya ke peringkat antarabangsa.

## **KESUKARELAWANAN (BRISK)**

**Briget Sukarelawan Kolej Komuniti (BriSK)** ditubuhkan pada tahun 2012 di Kolej Komuniti Pulau Pinang dan dilancarkan di Kolej Komuniti Bayan Baru. Pelancaran rasminya pula pada 1 hingga 3 Julai 2013 di Kem Desa Rimba, Kuala Kangsar, Perak oleh mantan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) dahulu. BriSK adalah satu pasukan sukarelawan yang terdiri daripada semua pelajar yang menuntut di Kolej Komuniti dan juga terbuka kepada pegawai serta staf juga. Aktiviti dijalankan sama ada peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri, jabatan, institusi mahupun komuniti setempat.

### **Antara aktiviti-aktiviti dijalankan:-**

- Demo masakan
- Gotong-royong
- Tanam pokok
- Pembersihan laut, Kubur, Taman Perumahan,
- Menolong mangsa banjir
- Program bersama nak yatim, kanak-kanak dan orang tua
- Pengurusan sistem pendaftaran, dsb.

## **PERATURAN KEHIDUPAN SEBAGAI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI NIBONG TEBAL**

Semua pelajar tertakluk kepada Undang-undang Malaysia iaitu Akta Pelajaran 1961 dan Akta 174 (Akta Institusi-institusi Pelajaran **(Tatatertib) 1976 (Jadual Pertama)** (Pindaan) 1997.)

Peraturan kehidupan Kolej Komuniti Nibong Tebal (KKNT) dikuatkuasakan kepada semua pelajar tanpa pengecualian. Tindakan tatatertib akan dikenakan ke atas mana-mana pelajar yang melanggar peraturan-peraturan tersebut mengikut **Jadual ke 2, Bahagian V (Acara Tatatertib) kaedah 48.**

### **1.0 RUPADIRI**

Pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih dan sopan. Adalah menjadi kewajipan pelajar Islam memakai pakaian menutup aurat.

#### **1.1 RUPADIRI PELAJAR LELAKI**

##### **1.1.1 Pakaian ke kelas/bengkel/makmal**

- a) Baju kemeja berlejang panjang atau pendek. Baju 'T' berkolar sahaja dibenarkan dan tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau menggambarkan mana-mana parti politik. Baju 'T' tidak berkolar (round neck) **TIDAK** dibenarkan.

- b) Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tucked in).
- c) Pemakaian baju kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap bersampin, berkasut dan bersongkok hitam.
- d) Berseluar jenis 'slack' sahaja. Pemakaian seluar jeans **TIDAK** dibenarkan
- e) Berkasut dan berstokin.
- f) Selipar, trompah, capal dan seumpamanya **TIDAK** dibenarkan.
- g) Kasut yang berladam logam yang berbunyi bising **TIDAK** dibenarkan.
- h) Sebarang bentuk perhiasan **TIDAK** dibenarkan.
- i) Pakaian khas bengkel/studio/makmal yang ditetapkan oleh pihak Kolej Komuniti.

#### 1.1.2 Rambut Pelajar Lelaki

- a. Rambut hendaklah sentiasa pendek dan kemas. Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi paras dahi.
- b. Rambut berfesyen seperti afro, punk, berekor atau diwarnakan adalah **TIDAK** dibenarkan.

### 1.2 RUPADIRI PELAJAR PEREMPUAN

#### 1.2.1 Pakaian ke kelas/bengkel/makmal

- a. Pakaian yang menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan **TIDAK** dibenarkan.
- b. Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai skirt yang lebih pendek dari paras lutut.

- c. Baju T berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negative, lucu melambangkan mana-mana parti politik. Baju 'T' tidak berkolar (round neck) **TIDAK** dibenarkan.
- d. Berseluar ketat **TIDAK** dibenarkan.
- e. Berseluar jeans **TIDAK** dibenarkan.
- f. Selipar dan trompah **TIDAK** dibenarkan.

### 1.2.2 Rambut Pelajar Perempuan

- a. Rambut hendaklah kemas.
- b. Rambut yang diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.
- c. Adalah menjadi kewajipan pelajar Islam menutup aurat. (bertudung)

## 1.3 PERHIASAN

- a. Pelajar perempuan **TIDAK** digalakkan memakai barang kemas .

## 2.0 MENGHADIRI KULIAH/BENKEL

Pelajar dikehendaki menghadiri semua kuliah/bengkel atau lain-lain pengajaran berhubung dengan kursus Pengajiannya dan **MESTILAH:**

- 2.1 Kehadirannya tidak kurang 80 %.
- 2.2 Berada di dalam bilik kuliah/bengkel mengikut jadual yang ditetapkan.

2.3 Mendapat kebenaran Ketua Jabatan untuk tidak hadir.

2.4 Memberi alasan bertulis yang munasabah untuk mendapat kelulusan ketidakhadirannya dari Ketua Jabatan.

### **3.0 MENJAGA KEBERSIHAN DAN KEMUDAHAN**

3.1 Setiap pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keceriaan kampus Kolej Komuniti.

3.2 Segala kemudahan yang disediakan oleh Kolej Komuniti hendaklah digunakan dengan penuh tanggungjawab, cermat, selamat tanpa sebarang pembaziran kuasa elektrik, bekalan air dan bahan-bahan yang digunakan.

3.3 Pelajar dipertanggungjawabkan untuk menentukan serta memastikan semua suis lampu / kipas / penyaman udara / komputer / mesin dimatikan sebelum meninggalkan kelas / bengkel / makmal / dewan kuliah.

### **4.0 MENJAGA HARTA BENDA**

4.1 Perbuatan merosakkan harta benda Kolej Komuniti seperti Perabot, peralatan dalam bilik / makmal / bengkel, kenderaan rasmi Kolej Komuniti atau menconteng dinding / notis rasmi / pekeliling rasmi atau merosakkan tanaman di dalam Kampus adalah menjadi suatu kesalahan tatatertib.

### **5.0 PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PERSATUAN / BADAN / PERTUBUHAN / KUMPULAN DAN PARTI POLITIK.**

5.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan menjadi ahli mana-mana parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana pertubuhan kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada menteri atau wakil kuasanya.

- 5.2 Pelajar **TIDAK** dibenar menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bingkangan terhadap mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang diharamkan.
- 5.3 Semua aktiviti yang hendak dijalankan di dalam dan di luar kampus hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Pengetua.
- 5.4 Penerbitan dan pengedaran sebarang dokumen atau risalah di dalam atau di luar kampus hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Pengetua.

## **6.0 MEMILIKI BAHAN-BAHAN LUCAH,DADAH, RACUN, MABUK DAN BERJUDI**

- 6.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah, dadah, racun atau minuman keras.
- 6.2 Pelajar **TIDAK** dibenarkan melihat atau mendengar secara sengaja apa-apa bahan lucah di dalam atau di luar kampus.
- 6.3 Pelajar **TIDAK** dibenarkan melihat atau mendengar secara sengaja apa-apa bahan lucah di dalam atau di luar kampus.
- 6.4 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa perkakas, alat, radas atau barang yang pada pendapat pihak berkuasa tatatertib adalah bertujuan untuk digunakan bagi memakan atau meminum atau menghisap atau menyedut atau memasukkan ke dalam badannya dengan suntikan

atau dengan apa-apa jua cara lain apa-apa dadah atau racun.

- 6.5 Pelajar **TIDAK** dibenarkan meminum minuman yang memabukkan atau didapati dalam keadaan mabuk di dalam atau di luar kampus.
- 6.6 Pelajar **TIDAK** dibenarkan mengurus, menganjur, menjalankan atau menyertai apa-apa aktiviti perjudian, pertaruhan atau loteri sama ada di dalam atau di luar kampus.

## **7.0 GANGGUAN KETENTERAMAN**

- 1.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan membuat bising atau bercakap secara kurang sopan sama ada di bilik kuliah / dewan kuliah / bengkel / makmal / perpustakaan / pejabat pentadbiran atau berhampiran dengannya.
- 1.2 Pelajar tidak dibenar menimbulkan suasana kacau-bilau, huru-hara atau menghasut pelajar-pelajar menentang pihak berkuasa Kolej Komuniti.
- 1.3 Pelajar boleh menyuarakan segala rasa tidak puas hati melalui saluran tertentu seperti Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) atau peti cadangan.

## **8.0 PENCERAMAH LUAR**

- 8.1 Pelajar mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Pengetua sebelum menjemput pihak luar untuk memberi ceramah/perbincangan kepada pelajar di dalam atau di luar kolej. Kebenaran ini tertakluk kepada had dan syarat yang ditetapkan.

## **9.0 KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH MENGAKIBATKAN PENGANTUNGAN / PEMBUANGAN PELAJAR DARI KOLEJ KOMUNITI**

- 9.1 Mencemar nama baik kolej, kakitangan atau pelajarinya sama ada di dalam atau di luar kampus kolej dengan kelakuan, kata-kata atau tulisan menerusi apa jua bentuk media cetak mahupun elektronik.
- 9.2 Mengganggu atau menghalang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kolej.
- 9.3 Merosak, mencacat (*vandalisme*) harta benda milik kolej, kerajaan, awam atau orang perseorangan.
- 9.4 Mengganggu atau menghalang kakitangan atau pelajar kolej daripada menjalankan tugasnya yang sah.
- 9.5 Membuat, mengguna, mempamer, menampal dan memiliki panji-panji, poster, lambang dan lain-lain untuk tujuan menghasut pelajar lain melanggar tata tertib di dalam atau di luar kampus.
- 9.6 Menerbit atau mengedar dokumen-dokumen di dalam atau di luar kampus dengan tujuan untuk menghasut atau memburuk-burukan kolej atau pihak lain.
- 9.7 Menjalankan perniagaan / perkhidmatan, kedai atau gerai di dalam kampus tanpa kebenaran bertulis daripada pihak kolej.
- 9.8 Membuat kenyataan dalam bentuk lisan atau bertulis kepada pihak luar mengenai kolej, kakitangan atau pelajarinya.

- 9.9 Membuat bantahan secara lisan atau bertulis mengenai sebarang keputusan pihak kolej tanpa melalui saluran yang ditetapkan.
- 9.10 Menglibatkan diri dengan sebarang bentuk perjudian, pertaruhan atau loteri.
- 9.11 Meminum, mengedar, menyimpan, menyorok atau membuat minuman keras / bahan kimia yang memabukkan / mengkhayalkan.
- 9.12 Berkeadaan mabuk kerana minuman atau sesuatu bahan yang diambil untuk memabukkan atau mengkhayalkan.
- 9.13 Menonton, memiliki, mendengar, menampal, mengedar, menyorok atau terlibat dengan pertunjukan bahan-bahan lucah (porno).
- 9.14 Memberi atau menyebarkan maklumat palsu.
- 9.15 Mengingkari arahan sah pihak berkuasa tatatertib, pensyarah, pegawai atau kakitangan kolej yang diberi kuasa.
- 9.16 Memalsukan tandatangan atau cop rasmi pihak berkuasa kolej atau pihak lain yang terlibat dengan kolej.
- 9.17 Melakukan ugutan atau 'ragging' pada bila-bila masa sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 9.18 Berkelakuan biadap dan angkuh terhadap mana-mana kakitangan atau pelajar kolej atau pihak lain dengan kelakuan, lisan atau tulisan.
- 9.19 Bergaduh, terlibat atau bersubahat dengan pergaduhan sama ada di dalam atau di luar kampus.

- 9.20 Berkelakuan sumbang atau tidak sopan seperti bercumbu-cumbuan atau berkhawat dan membuat sebarang perilaku atau isyarat lucah sama ada di dalam atau di luar kampus.
- 9.21 Melibatkan diri dengan kegiatan pelacuran atau aktiviti seks yang dilarang.
- 9.22 Melakukan penyambungan elektrik atau talian telefon secara haram di mana-mana kawasan kampus.
- 9.23 Melibatkan diri dengan kegiatan mencuri, merompak, menyamun, memeras ugut dan menculik.
- 9.24 Memiliki,menyorok, menyimpan, mengedar, menjual dan mempamer senjata berbahaya seperti senjata api, senjata tajam, buku lima, kerambit dan lain-lain.
- 9.25 Dituduh oleh mahkamah terbabit atau disyaki melakukan kesalahan jenayah sivil atau jenayah syariah.
- 9.26 Terlibat dengan najis dadah seperti mengambil, mengedar, menyorok, menyimpan atau menjual.
- 9.27 Terlibat dengan pemboikotan/pemulauan aktiviti sah kolej.
- 9.28 Terlibat dengan demonstrasi yang tidak dibenarkan di dalam atau di luar kampus kolej.
- 9.29 Menimbul/menghasut isu perkauman, integrasi nasional untuk tujuan mewujudkan suasana tegang, perpecahan atau permusuhan.
- 9.30 Memugut atau cuba memungut wang dengan cara persendirian, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar.

- 9.31 Menganggotai atau memberi sokongan kepada kumpulan, badan atau pertubuhan yang diharamkan oleh kolej atau kerajaan.

## **10.0 LARANGAN MEROKOK**

- 10.1 Pelajar dilarang merokok di mana-mana kawasan kampus Kolej.

## **11.0 PANDUAN PENGGUNAAN KENDERAAN DAN PERATURAN LALULINTAS**

### **11.1 Kenderaan Rasmi Kolej Komuniti**

- 11.1.1 Pelajar boleh menggunakan kenderaan Kolej Komuniti bagi tujuan rasmi dengan memohon melalui pensyarah berkaitan
- 11.1.2 Pengguna kenderaan Kolej Komuniti dikehendaki menjaga kebersihan, kemudahan yang terdapat dalam kenderaan tersebut
- 11.1.3 Pelajar dikehendaki menjaga disiplin dan tingkahlaku semasa menggunakan kenderaan Kolej Komuniti.

### **11.2 Kenderaan Persendirian**

- 11.2.1 Kenderaan bermotor persendirian boleh memasuki kampus setelah didaftar dan mendapat kelulusandaripada pihak Kolej Komuniti.
- 11.2.2 Semua kenderaan bermotor yang digunakan untuk keluar masuk kampus mestilah mempamerkan pelekat kenderaan yang dikeluarkan oleh Kolej Komuniti.
- 11.2.3 Semua kenderaan hendaklah diletakkan ditempat yang dihaskan dalam kampus dan disusun dengan teratur.
- 11.2.4 Pelajar tidak dibenarkan meletakkan kenderaan mereka ditempat yang dihaskan unyuk pensyarah / kakitangan Kolej Komuniti.

- 11.2.5 Pihak Kolej Komuniti tidak bertanggungjawab ke atas kenderaan (termasuk topi keledar) yang rosak atau hilang di dalam kampus.
- 11.2.6 Semua kenderaan yang digunakan mestilah berada di dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.
- 11.2.7 Pelajar yang menggunakan kenderaan bermotor dalam kampus perlu mematuhi peraturan-peraturan berikut:
- a) Mempunyai lesen memandu, cukai jalan dan insuran yang sah.
  - b) Mematuhi had laju yang ditetapkan oleh Kolej Komuniti.
  - c) Mempunyai lesen memandu, cukai jalan dan insuran yang sah.
  - d) Mematuhi had laju yang telah ditetapkan oleh Kolej Komuniti.
  - e) Menggunakan kenderaan bermotor yang tidak mengeluarkan bunyi yang kuat atau yang diubahsuai.
  - f) Memakai topi keledar semasa menunggang atau membonceng motosikal.
  - g) Digalakkan memakai pantul cahaya semasa menunggang atau membonceng motosikal.
  - h) Bertimbangrasa terhadap pejalan kaki.
  - i) Mematuhi semua peraturan dan undang-undang bertulis keselamatan jalanraya seperti yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
  - j) Dilarang membonceng motosikal bagi pelajar lelaki dan perempuan yang bukan mahram

## **12.0 PERATURAN PERPUSTAKAAN**

### **12.1 ARAHAN AM PERPUSTAKAAN**

- 12.1.1 Dilarang membuat bising sehingga boleh mengganggu ketenteraman pengguna-pengguna lain.
- 12.1.2 Dilarang mengubah susunatur perabut kerusi dan meja yang sedia ada. Sebuah meja lengkap dengan kerusi terhad untuk 6 pengguna sahaja. Kerusi yang digunakan hendaklah disusun kembali selepas guna.
- 12.1.3 Dilarang makan, minum, tidur atau membuat sesuatu yang akan menjejaskan suasana di dalam perpustakaan.
- 12.1.4 Dilarang membawa sebarang bahan makanan dan minuman ke dalam perpustakaan.
- 12.1.5 Dilarang menconteng, mengoyak, merosak atau memusnahkan mana-mana harta kepunyaan perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan pada bahan tersebut.
- 12.1.6 Dilarang menconteng, mengoyak, merosak atau memusnahkan mana-mana harta kepunyaan perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakkan pada barang tersebut.
- 12.1.7 Dilarang menggunting artikel-artikel dalam majalah dan akhbar atau apa-apa bahan cetak termasuk harta kepunyaan perpustakaan.
- 12.1.8 Dilarang mencuri sebarang buku, majalah-majalah, akhbar atau apa-apa bahan cetak termasuk harta kepunyaan perpustakaan.

- 12.1.9 Penggunaan telefon mudah alih (handphone) hanya dibenarkan dalam keadaan nada getar ( vibrate ) dan senyap ( silent ).
- 12.1.10 Pengguna-pengguna mestilah mematuhi peraturan-peraturan mengenai bilangan buku-buku yang boleh dipinjam dan bertanggungjawab ke atas pemulangan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 12.1.11 Peminjam bertanggungjawab ke atas bahan-bahan yang dipinjam. Bagi bahan-bahan yang dihilangkan, peminjam akan dikenakan bayaran harga semasa sebagai kos gantian bahan tersebut.
- 12.1.12 Dilarang membawa masuk beg, fail besar, kamera, topi kaledar, baju jaket dan senjata tajam ke dalam perpustakaan.
- 12.1.13 Pengguna perpustakaan hendaklah menunjukkan semua barang seperti fail, buku dan sebagainya kepada petugas perpustakaan untuk diperiksa sebelum keluar dari perpustakaan.
- 12.1.14 Pengguna yang hendak meminjam bahan perpustakaan perlu mendaftar sebagai ahli terlebih dahulu dan pinjaman tanpa kad keahlian tidak akan dilayan.
- 12.1.15 Semua pertukaran alamat pengguna hendaklah dimaklumkan kepada pihak perpustakaan.
- 12.1.16 Pengguna hendaklah berpakaian yang sesuai mengikut peraturan Am Kolej Komuniti.

## 12.2 Pinjaman Buku Perpustakaan

Pengguna layak meminjam buku dari koleksi pinjaman dan koleksi rujukan terhad dengan menggunakan kad keahlian. Cara meminjamnya adalah seperti berikut:

### 12.2.1 Koleksi Pinjaman (*White Label*)

Untuk meminjam buku-buku koleksi ini, pengguna hendaklah menyerahkan kad keahlian peminjam dan buku kepada kakitangan di kaunter untuk proses pinjaman tersebut.

### 12.2.2 Koleksi Rujukan Dalam Terhad (*Red Spot Label*)

Untuk meminjam buku-buku dari koleksi ini, sama seperti pinjaman biasa. Cuma tempoh pinjaman terhad dan dikhususkan untuk pensyarah akademik dan staff sahaja.

### 12.2.3 Pinjaman menggunakan kad keahlian pelajar lain

Hanya pengguna asal yang mempunyai status kad aktif sahaja dibenarkan meminjam.

### 12.2.4 Koleksi Audio Visual Bahan Bukan Bercetak CD Rom dan Video Tape (Bahan Rujukan Dalam)

Perpustakaan menyediakan bahan audio visual dalam bentuk cd rom dan pita rakaman video untuk kajian eksperimen pengguna khas untuk rujukan dalam perpustakaan sahaja

### 12.3 Bilangan Buku Dan Tempoh Pinjaman

Jenis Ahli	Pelajar
Tempoh Pinjaman Biasa	14 hari (2 minggu)
Bilangan Maksimum Pinjaman	2 buah buku
Tempoh Pinjaman Rujukan	Rujukan Dalaman
Bilangan Maksimum Rujukan	Rujukan Dalaman
Denda Kelewatan Pinjaman	RM 0.10 Sehari

12.3.1 Bahan rujukan dalaman warna bertanda label merah seperti kamus, bibliografi, jurnal, ensiklopedia dan majalah hanyalah dibenarkan sebagai bahan rujukan perpustakaan sahaja. Bahan ini mempunyai koleksi terhad sahaja.

### 12.4 Hal-hal Lain

12.4.1 Pihak perpustakaan tidak bertanggungjawab terhadapsebarang kehilangan atau kerosakkan barang-barang persendirian yang diletak atau tertinggal didalam/ diluar perpustakaan.

12.4.2 Petugas perpustakaan berhak mengarah sesiapa sahaja yang melanggar sebarang peraturan perpustakaan atau peraturan Kolej Komuniti untuk keluar dari perpustakaan.

12.4.3 Pihak perpustakaan berhak meminta pengguna memulangkan bahan-bahan pinjaman walaupun belum tamat tempoh pinjamannya.

- 12.4.4 Penggunaan ruang perpustakaan untuk kegunaan lain perlu mendapat kelulusan kolej komuniti.
- 12.4.5 Sebarang pertanyaan berkaitan dengan perpustakaan boleh dikemukakan kepada pegawai perpustakaan.
- 12.4.6 Pengetua atau wakil kuasanya dari masa ke semasa boleh membatalkan atau menambah mana-mana bahagian atau keseluruhan peraturan ini.

### 13.0 PELANGGARAN PERATURAN

Pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan ini boleh dikenakan tindakan berikut:

- 13.1 Tindakan yang telah ditentukan oleh kolej komuniti.
- 13.2 Kaedah-kaedah tatatertib mengikut mana-mana yang berkenaan (kaedah 48, akta Institusi-institusi Pelajar(Tatatertib) 1976 (Akta 174).

#### “Hukuman Tatatertib”

Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib boleh dikenakan mana-mana satu hukuman – hukuman yang berikut atau mana-mana dua atau lebih hukuman-hukuman itu disatukan sekali:

- a) Amaran;
- b) Denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit (RM500.00);
- c) Penggantungan daripada menggunakan apa-apa atau kesemua kemudahan-kemudahan institusi selama tempoh yang ditentukan;
- d) Penggantungan daripada mengikuti kursus pengajian di institusi selama tempoh yang ditentukan;

- e) Penghalangan daripada menduduki sebahagian atau keseluruhan peperiksaan di institusi;
- f) Penyingkiran daripada mana bahagian institusi selama tempoh yang ditentukan;
- g) Pembuangan daripada institusi, oleh pihak berkuasa tatatertib”

## **14.0 HAL-HAL LAIN**

- 14.1 Pelajar **TIDAK** digalakkan terlibat dalam apa-apa pekerjaan, perniagaan, perdagangan atau aktiviti lain, sama ada sepenuh atau separuh masa, yang pada pendapat Pengetua boleh menjejaskan pengajiannya.
- 14.2 Pelajar kolej dikehendaki sentiasa menjaga nama baik dan imej kolej sama ada di dalam atau di luar kampus. Pelajar digalakkan menggunakan peti cadangan yang disediakan untuk memberi cadangan. Pelajar juga tertakluk kepada peraturan-peraturan khas peperiksaan, bengkel, makmal, perpustakaan dan lain-lain yang telah dan akan dikeluarkan oleh kolej dari semasa ke semasa.
- 14.3 Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menjaga barang berharga peribadi seperti motosikal, beg duit, telefon bimbit dan sebagainya. Pihak Kolej Komuniti tidak akan bertanggungjawab di atas kerosakan atau kehilangan barang-barang tersebut.
- 14.4 Pengetua atau wakil kuasanya boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menambah mana-mana bahagian atau keseluruhan peraturan ini.

## RINGKASAN

KOD	JENIS KESALAHAN
1	<p><b>1. Perpustakaan [Kaedah 3 (ii)]</b></p> <p>(a) Lewat / tidak memulangkan buku atau bahan dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>(b) Merosakkan buku atau bahan.</p> <p>(c) Menghilangkan buku dan bahan yang dipinjam.</p> <p>(d) Bising / mengganggu ketenteraman di dalam perpustakaan.</p> <p>(e) Makan / minum / tidur / membuat sesuatu yang akan menjejaskan suasana ketika di dalam perpustakaan.</p> <p>(f) Membawa makanan / minuman ke dalam perpustakaan.</p> <p>(g) Menggunakan kad perpustakaan pelajar lain.</p> <p>(h) Melakukan perbuatan yang mencolok mata.</p> <p>(i) Mencuri atau membawa keluar bahan majalah, surat khabar, buku rujukan <i>red spot</i> dan bahan berjilid tanpa kebenaran Pegawai Perpustakaan.</p> <p>(j) Tidak mematuhi arahan etika berpakaian mengikut Panduan dan Peraturan Am Pelajar Kolej Komuniti.</p> <p>(k) Membawa masuk beg, fail besar, kamera, topi keledar, jaket, senjata tajam atau yang seumpamanya ke dalam perpustakaan.</p> <p>(l) Mengoyak / menggunting / menconteng bahan-bahan bacaan di perpustakaan.</p> <p>(m) Merosak dan memusnahkan mana-mana harta kepunyaan perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan kepada bahan tersebut.</p> <p>(n) Tidak menjaga kebersihan perpustakaan.</p> <p>(o) Mengubah susunatur perabot dan peralatan perpustakaan.</p> <p>(p) Menggunakan telefon mudah alih (<i>handphone</i>) atau sebarang bahan elektronik sehingga mengganggu ketenteraman orang lain.</p>
2Ai	<p><b>2. PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI [Kaedah 6]</b></p> <p><b>A. Pelajar Lelaki</b></p> <p><b>i. Pakaian</b></p> <p>(a) Memakai baju kemeja yang tidak berlungan.</p> <p>(b) Memakai baju 'T' tidak berkolar kecuali untuk aktiviti sukan.</p> <p>(c) Memakai baju 'T' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau mempunyai lambang mana-mana parti politik.</p> <p>(d) Memakai baju kemeja atau 'T' yang tidak dimasukkan ke dalam seluar (<i>tuck in</i>).</p> <p>(e) Memakai baju kebangsaan (baju melayu) yang tidak lengkap bersampin, berkasut, bersongkok hitam.</p> <p>(f) Memakai pakaian yang bertampal, koyak atau bertampung dalam apa jua bentuk sekalipun.</p> <p>(g) Memakai pakaian yang tidak dibutang atau dizipkan dengan sempurna.</p> <p>(h) Memakai tali pinggang atau fesyen kepala tali pinggang yang tidak sesuai.</p> <p>(i) Memakai seluar jenis 'jeans biru' atau lusuh.</p> <p>(j) Memakai seluar ketat.</p> <p>(k) Memakai seluar '<i>half cut</i>'.</p> <p>(l) Memakai kasut tanpa stokin.</p> <p>(m) Memakai selipar, terompah, sandal, capal atau berkaki ayam.</p> <p>(n) Tidak memakai pakaian bengkel ketika berada di bengkel.</p>
2Aii	<p><b>ii. Rambut</b></p> <p>(a) Rambut panjang melebihi paras kolar baju, paras tepi melebihi paras atas telinga, paras depan melebihi garisan tengah dahi.</p> <p>(b) Rambut tidak kemas.</p> <p>(c) Rambut berfesyen seperti afro, punk, berekor atau diwamakan.</p>
2Aiii	<p><b>iii. Perhiasan</b></p> <p>(a) Memakai sebarang bentuk perhiasan seperti rantai, gelang tangan dan subang atau apa-apa perhiasan diri yang membawa maksud negatif.</p>
2Bi	<p><b>B. Pelajar Perempuan</b></p> <p><b>i. Pakaian</b></p> <p>(a) Memakai pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, singkat, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan.</p> <p>(b) Memakai baju yang labuhnya di atas paras punggung.</p> <p>(c) Memakai skirt yang lebih pendek dari paras lutut.</p> <p>(d) Memakai baju 'T' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau mempunyai lambang mana-mana parti politik.</p> <p>(e) Memakai baju 'T' tidak berkolar kecuali untuk aktiviti sukan.</p>

<p>2Ai</p> <p>(a)</p> <p>(b)</p> <p>(c)</p> <p>(d)</p> <p>(e)</p> <p>(f)</p> <p>(g)</p> <p>(h)</p> <p>(i)</p> <p>(j)</p> <p>(k)</p> <p>(l)</p> <p>(m)</p> <p>(n)</p> <p>2Aii</p> <p>(a)</p> <p>(b)</p> <p>(c)</p> <p>2Aiii</p> <p>(a)</p> <p>(b)</p> <p>2Bi</p> <p>(a)</p> <p>(b)</p> <p>(c)</p> <p>(d)</p> <p>(e)</p> <p>(f)</p> <p>(g)</p> <p>(h)</p> <p>(i)</p> <p>(j)</p> <p>(k)</p> <p>(l)</p> <p>2Bii</p> <p>(a)</p> <p>(b)</p> <p>2Biii</p> <p>(a)</p> <p>(b)</p> <p>(c)</p>	<p><b>2. PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI [Kaedah 6]</b></p> <p><b>A. Pelajar Lelaki</b></p> <p><b>i. Pakaian</b></p> <p>Memakai baju kemeja yang tidak berlangan.</p> <p>Memakai baju 'T' tidak berkolar kecuali untuk aktiviti sukan.</p> <p>Memakai baju 'T' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau mempunyai lambang mana-mana parti politik.</p> <p>Memakai baju kemeja atau 'T' yang tidak dimasukkan ke dalam seluar (<i>tuck in</i>).</p> <p>Memakai baju kebangsaan (baju melayu) yang tidak lengkap bersampin, berkasut, bersongkok hitam.</p> <p>Memakai pakaian yang bertampal, koyak atau bertampung dalam apa jua bentuk sekalipun.</p> <p>Memakai pakaian yang tidak dibutang atau dizipkan dengan sempurna.</p> <p>Memakai tali pinggang atau fesyen kepala tali pinggang yang tidak sesuai.</p> <p>Memakai seluar jenis 'jeans biru' atau lusuh.</p> <p>Memakai seluar ketat.</p> <p>Memakai seluar 'half cut'.</p> <p>Memakai kasut tanpa stokin.</p> <p>Memakai selipar, terompah, sandal, capal atau berkaki ayam.</p> <p>Tidak memakai pakaian bengkel ketika berada di bengkel.</p> <p><b>ii. Rambut</b></p> <p>Rambut panjang melebihi paras kolar baju, paras tepi melebihi paras atas telinga, paras depan melebihi garisan tengah dahi.</p> <p>Rambut tidak kemas.</p> <p>Rambut berfesyen seperti afro, punk, berekor atau diwamakan.</p> <p><b>iii. Perhiasan</b></p> <p>Memakai sebarang bentuk perhiasan seperti rantai, gelang tangan dan subang atau apa-apa perhiasan diri yang membawa maksud negatif.</p> <p><b>B. Pelajar Perempuan</b></p> <p><b>i. Pakaian</b></p> <p>Memakai pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, singkat, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan.</p> <p>Memakai baju yang labuhnya di atas paras punggung.</p> <p>Memakai skirt yang lebih pendek dari paras lutut.</p> <p>Memakai baju 'T' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau mempunyai lambang mana-mana parti politik.</p> <p>Memakai baju 'T' tidak berkolar kecuali untuk aktiviti sukan.</p> <p>Memakai pakaian yang bertampal, koyak atau bertampung dalam apa jua bentuk sekalipun.</p> <p>Memakai pakaian yang tidak dibutang atau dizipkan dengan sempurna.</p> <p>Berseluar ketat, singkat atau menampakkan susuk badan.</p> <p>Memakai seluar jenis 'jeans', banyak poket, 'corduroy'.</p> <p>Memakai seluar 'half cut'.</p> <p>Memakai selipar, terompah, sandal, capal atau berkaki ayam.</p> <p>Tidak memakai pakaian bengkel semasa berada di bengkel.</p> <p><b>ii. Rambut</b></p> <p>Rambut tidak kemas.</p> <p>Rambut berfesyen seperti afro, punk, berekor atau diwamakan</p> <p><b>iii. Perhiasan</b></p> <p>Memakai perhiasan seperti rantai, gelang tangan, cincin dan subang secara berlebihan.</p> <p>Memakai perhiasan diri bukan pada tempat sepatutnya.</p> <p>Bersolek secara berlebihan.</p>
<p>3</p> <p>(a)</p> <p>(b)</p> <p>(c)</p> <p>(d)</p>	<p><b>3. KEBERSIHAN DI DALAM KAMPUS [Kaedah 21]</b></p> <p>Membuang sampah merata-rata di sekitar kampus.</p> <p>Menampal sebarang notis dan iklan tanpa kebenaran pihak berkuasa kampus.</p> <p>Mengotorkan / meludah merata-rata di sekitar kampus.</p> <p>Memetik / Mematah / Merosakkan pokok hiasan / pokok bunga tanpa kebenaran pihak berkuasa kampus.</p>
<p>4</p> <p>(a)</p> <p>(b)</p>	<p><b>4. MEMBUAT BISING [Kaedah 22]</b></p> <p>Meninggikan suara atau mengeluarkan bunyi bising sehingga menyebabkan kegusaran atau gangguan kepada pihak lain di dalam kampus.</p> <p>Menggunakan peralatan elektronik/elektrik sehingga menyebabkan bunyi bising dan menimbulkan kegusaran atau gangguan kepada pihak lain di dalam kampus.</p>

## **CONTOH PEMAKAIAN**



**PELAJAR LELAKI**



**PELAJAR WANITA**

# BAYARAN SAMAN

## NOTIS KESALAHAN TATATERTIB TERUS

Kaedah	Jenis Kesalahan	Denda Ditetapkan (RM)	Denda Dikenakan (RM)
3.(i)	<b>PERPUSTAKAAN</b>		
	1. Tidak memulangkan buku/bahan perpustakaan yang dipinjam.	40.00	
	2. Merosakkan buku/bahan perpustakaan.	40.00	
	3. Lewat memulangkan buku.	10.00	
	4. Membuat bising/mengganggu ketenteraman.	10.00	
	5. Lain-lain (Nyatakan):	10.00	
6	<b>PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI</b>		
	1. Berpakaian tidak sopan. (contoh : seluar/baju ketat/lusuh / mencolok mata dll)	40.00	
	2. Berpakaian tidak bersesuaian. (contoh : memakai Baju T Tanpa kolar/selipar/sandal dll)	40.00	
	3. Berambut panjang/tidak kemas/diwarnakan	40.00	
	4. Lain-lain (Nyatakan):	10.00	
21	<b>KEBERSIHAN DI DALAM KOLEJ / KAMPUS</b>		
	1. Membuang sampah di merata-rata tempat	40.00	
	2. Menconteng di mana-mana bahagian bangunan/premis.	40.00	
	3. Tidak menjaga kebersihan/kekemasan dimana-mana bahagian bangunan/premis	40.00	
	4. Lain-lain (Nyatakan):	10.00	
22	Membuat sebarang bentuk bunyi / bising yang menyebabkan gangguan	50.00	
23	Menggunakan mana-mana bahagian bangunan/premis dalam kolej/kampus sebagai tempat tidur.	20.00	
25	<b>KAD PELAJAR</b>		
	1. Tiada kad pelajar	40.00	
	2. Tidak memakai kad matrik	40.00	
	3. Kad pelajar rosak/conteng	10.00	
	4. Memakai kad pelajar di tempat yang tidak sesuai	10.00	
	5. Memakai kad pelajar orang lain	10.00	
	6. Lain-lain (Nyatakan)	10.00	

## NOTIS KESALAHAN LALULINTAS

Bil	Jenis Kesalahan	Denda Ditetapkan (RM)	Denda Dikenakan (RM)
1	Tiada lesen memandu yang sah	40.00	
2	Tiada cukai jalan yang sah	40.00	
3	Tiada pelekat kenderaan yang sah	30.00	
4	Melanggar arahan papan tanda jalan/pandu arah lalulintas	30.00	
5	Membawa kenderaan melebihi had laju yang ditetapkan	30.00	
6	Meletak kenderaan ditempat yang tidak dibenarkan	30.00	
7	Membawa kenderaan dalam keadaan merbahaya	30.00	
8	Tidak memakai topi/tali pinggang keledar	20.00	
9	Kenderaan mengeluarkan bunyi yang bising /kuat/diubahsuai	20.00	
10	Tiada cermin sisi disebelah kanan motosikal	20.00	
11	Membawa penumpang melebihi had yang dibenarkan	20.00	
12	Membawa pelajar yang berlainan jantina memboncong motosikal / memboncong motosikal pelajar yang berlainan jantina	20.00	
13	Kesalahan-kesalahan lain (Nyatakan)	20.00	

\*\*\* Bayaran saman haruslah di buat di unit kewangan dan salinan resit haruslah diberikan kepada Unit Pembanguna Pelajar (UPP) KKNT.

## **IKRAR PELAJAR**

Bahawasanya kami,  
pelajar-pelajar Kolej Komuniti Nibong Tebal  
dengan ini berikrar dan berjanji  
akan mematuhi semua peraturan dan undang-undang,  
serta menumpukan semua usaha dan tenaga kami  
untuk meningkatkan prestasi kami  
dalam kegiatan akademik dan ko-kurikulum  
bagi mengharumkan nama baik  
Kolej Komuniti Nibong Tebal

Kami berjanji akan mencurahkan tenaga dan bakti kami  
untuk memajukan diri, bangsa, agama dan negara.

Jika kami didapati melakukan kesalahan semasa  
kami menjadi pelajar,  
kami dengan rela hati bersedia menerima hukuman  
yang diputuskan oleh pihak  
Kolej Komuniti Nibong Tebal  
termasuk diberhentikan menjadi pelajar Kolej Komuniti  
dan ibubapa kami atau penjaga kami tidak akan  
membuat sebarang bantahan  
ke atas hukuman yang diambil ke atas kami.

## **LAGU POLYCC**

Mulakan langkah mu dengan fikiran terbuka  
Setiap insan punyai kelebihan sendiri  
Asah kemahiran di peringkat lebih tinggi  
Usaha dan harapan akan tercapai  
Ayuh semua berdiri bangkit  
Semua mimpi jadi realiti  
Ayuh semua jangan ragu  
Destinasi POLYCC  
Satu tujuan satu harapan  
Membangun generasi berprestasi tinggi

Chorus 2x

POLYCC berinovasi  
POLYCC pilihan pasti  
Seluruh Malaysia destinasi  
POLYCC

Satu tujuan satu harapan  
Membangun generasi berprestasi tinggi

## **JAWATANKUASA BUKU PANDUAN PELAJAR**

### **Penasihat**

Ahmad Munzir bin Zakaria  
Pengarah  
Kolej Komuniti Nibong Tebal

### **Pengerusi**

Mohd Hafize bin Arifin  
Pegawai Pembangunan Pelajar

### **Editor**


Mohd Hafize bin Arifin  
Nur Ili Shamimi binti Jamal Nasir  
Syahida binti Abu Bakar

### **Penulis**

Mohd Hafize bin Arifin  
Nur Ili Shamimi binti Jamal Nasir  
Syahida binti Abu Bakar  
Nurul Syifa binti Md Nasir  
Rozarina binti Ruslan  
Vilasini A/P Bala Krishnain

### **Ilustrasi Grafik**

Nur Ili Shamimi binti Jamal Nasir



**KOLEJ KOMUNITI NIBONG TEBAL**

**NO. 2, JALAN TASEK SS1,  
BANDAR TASEK MUTIARA,  
14120 SIMPANG AMPAT,  
PULAU PINANG**

**TEL : 04-5082284/ FAKS : 04-5083032**